

Pensijilan CoPN jamin pengeluaran anak benih sawit berkualiti

➔ Patuhi keperluan, ambil kira semua elemen pengaruhi kualiti

Oleh Mohd Firdaus Abdul Aziz, Nik Aznizan Nik Ibrahim, Dr Ainie Kuntom dan Rosearnida Senawi
bhnews@bharian.com.my

Anak benih berkualiti dapat menjamin pengeluaran hasil sawit yang lebih lumayan di masa hadapan. Atas sebab itu, faktor kualiti anak benih yang dihasilkan pengusaha tapak semaian menjadi perkara utama akan dinilai sebelum setiap anak pokok sawit ditanam di ladang atau kebun sawit.

Penghasilan anak benih berkualiti mestilah mematuhi keperluan kemampunan iaitu mengambil kira semua elemen yang boleh mempengaruhi kualitinya.

Bagi memastikan kedua-dua aspek kualiti dan kemampunan ini diberi penekanan khusus dalam penghasilan anak benih sawit, semua aktiviti terbabit perlu dipantau dan diawasi melalui beberapa fasa pengauditan di mana segala amalan baik yang dipraktikkan akan dilaporkan di dalam laporan audit.

Sekali gus, ini membuktikan komitmen padu oleh pengusaha ta-

pak semaian dalam penghasilan anak benih yang lebih berkualiti dan mampan untuk dipasarkan.

Kod Amalan Tapak Semaian Baik untuk Tapak Semaian Sawit (CoPN)

Objektif utama pelancaran Kod Amalan Baik untuk Tapak Semaian Sawit (CoPN) ini adalah untuk memberi garis panduan umum yang perlu dipatuhi oleh pengusaha tapak semaian dalam menghasilkan anak benih yang bermutu tinggi dan mampan di samping memastikan aspek berkaitan keselamatan makanan di sepanjang rantaian pengeluaran minyak sawit terjaga.

Antara kriteria CoPN yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi oleh pengusaha tapak semaian adalah seperti berikut:

- ➔ Mempunyai sistem Kebolehesanan - (Traceability)
- ➔ Mematuhi Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan subsidiarinya
- ➔ Memilih bahan tanaman yang berkualiti
- ➔ Memberi tumpuan kepada pemilihan tapak semaian (kecil dan besar)
- ➔ Menyediakan tapak semaian yang baik
- ➔ Memenuhi kriteria pemilihan medium pertumbuhan
- ➔ Mengikuti amalan pengairan yang disyorkan
- ➔ Memastikan pengurusan dan amalan harian tapak semaian
- ➔ Menyimpan rekod dengan baik dan melaksanakan pelabelan
- ➔ Melakukan pemilihan anak benih dan penaknaan



Antara tapak semaian sawit yang memenuhi kriteria Pensijilan CoPN.

- ➔ Menitikberatkan aspek penghantaran anak benih
- ➔ Memastikan pembajaan yang betul dan pengurusan nutrien yang baik
- ➔ Menguruskan racun perosak dengan baik
- ➔ Melakukan penambahbaikan yang berterusan
- ➔ Mengambil tindakan sewajarnya ke atas sebarang aduan dan rungutan
- ➔ Mematuhi keperluan kehendak undang-undang

Bermula 1 Julai 2012, CoPN diangkat menjadi satu skim mandatori, di mana setiap pengusaha tapak semaian sawit berlesen yang aktif di negara ini iaitu sebanyak 710 pengusaha, perlu mendapatkan Sijil CoPN dan mematuhi segala keperluan pensijilan.

Langkah ini secara tidak langsung dapat membantu pengeluaran anak benih sawit yang terjamin kualitinya serta mematuhi kriteria kemampunan.

Di samping itu, tindakan menjadikan CoPN sebagai skim mandatori diharap dapat membantu mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kes-kes pengusaha tapak semaian menghasilkan dan membekalkan anak benih sawit yang tidak bermutu tinggi dan tidak mematuhi keperluan kemampunan. Ini dapat memastikan hanya benih sawit yang terbaik berkehasilan tinggi ditanam di ladang.

Pelbagai usaha giat dilakukan oleh pihak MPOB seperti menerbitkan buku berkaitan CoPN, menganjurkan sesi taklimat dan pe-

nerangan kepada pengusaha tapak semaian, mengadakan serta menjalankan pengauditan dalam memastikan setiap pengusaha tapak semaian sawit di Malaysia merapatkan maklumat terkini berkaitan CoPN.

Pencapaian CoPN

Sehingga Mei 2016, sebanyak 21 premis tapak semaian sawit dan anugerahkan Sijil CoPN kerana dapat mematuhi dan memenuhi segala kriteria dan kehendak seperti yang digariskan dalam CoPN.

MPOB menjangkakan jumlah ini akan bertambah pada masa hadapan kerana ramai pengusaha tapak semaian sawit yang mulai sedar kepentingan CoPN kepada peniagaan mereka.

Kejayaan perlukan pengorbanan: Abang Edwin

Abang Edwin, pekebun kecil yang berjaya mengusahakan tanaman sawit di Mukah, Sarawak puas apabila wang ringgit, masa dan tenaga dikorbankan memberi pulangan yang lumayan dan menguntungkan untuknya dan keluarga.

Sebagai anak jati Melanau, beliau pernah berkhidmat sebagai guru sandaran dan kakitangan awam di Jabatan Kerja Raya sebelum menceburi bidang keusahawanan sebagai kontraktor.

Mengimbu kembali sejarah pembabitannya dalam penanaman sawit, segalanya bermula semasa beliau mengikuti satu lawatan sambil belajar ke sebuah ladang sawit di Sungai Siput, Perak pada tahun 1998.

Dari situ timbul rasa minat yang mendalam terhadap penanaman sawit. Sekembalinya ke Mukah, be-



Abang Edwin meninjau kandang kambing yang ditanam secara integrasi dengan tanaman sawit.

liau mula mengumpul maklumat dan mempelajari aspek pengurusan tanaman sawit daripada MPOB, FELCRA dan Jabatan Pertanian Bahagian Mukah.

Guna modal sendiri

Pada awal Julai 1999, berbekalkan modal sendiri, beliau mula mengorak langkah membangunkan kawasan tanah kebun miliknya dengan dibantu rakan baik yang berpengalaman.

Pembangunan kawasan dilakukan secara berperingkat dan kini keluasan tanaman sawit beliau mencapai keluasan 17.23 hektar.

Abang Edwin memperoleh sumber anak benih tenera DxP yang dipilih sendiri dari Tapak Semaian Sawit Ladang Meruan, Sungai Dijih, Selangau, Sibul.

Jenis tanah di kebunnya ialah

lanar pantai dengan jarak tanam 8.8 meter X 8.8 meter X 8 meter segi tiga. Topografi kawasan kebun sawit beliau adalah rata dan memudahkan beliau untuk melaksanakan tugas pengurusan sawit di kebun seperti membaja, memangkas pelepah, menuai buah tandan segar, mengawal penyakit dan perosak.

Pada 2005, purata hasil pengeluaran buah tandan segar di kebun beliau ialah 18.11 tan. Catatan ini terus meningkat pada tahun 2006 iaitu 19.10 tan dan 2007 pul 23.67 tan. Pada 2008, purata hasil pengeluaran buah tandan segar beliau mencapai purata 3 tan/hektar yang mana melayakkan beliau menjadi Ahli Kelab 2 Tan MPOB.

Segala rekod perbelanjaan, aktiviti dan hasil disimpan di dalam buku rekod ladang.